

Online Collaborative Learning Approach for Malay Language Learning and Its Impact on Students' Achievement

Pendekatan Pembelajaran Kolaboratif dalam Talian bagi Pembelajaran Bahasa Melayu dan Kesannya ke atas Pencapaian Pelajar

Mohd Zulkarnain Samri, Nurul Farhana Jumaat*

Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: nfarhana@utm.my

Article history: Received: 01 January 2024 Received in revised form: 01 March 2024 Accepted: 27 March 2024 Published online: 30 April 2024

Abstract

This study was conducted to examine the effect of an online collaborative learning approach on the achievement of Malay language learners. The design of this study is primarily quantitative in nature, characterized as a pre-experimental study involving a group of participants who underwent pre- and post-tests. The data collection process spanned four weeks, during which a total of 30 students were selected as the study's sample using purposive sampling technique. Data was collected through various instruments, including online collaborative-based learning activities, questionnaires, and pre- and post-tests assessing students' achievements in Malay Language writing. The data were analyzed using descriptive analysis, a normality test, paired sample t-test, and Pearson correlation test, and the analysis was performed using SPSS Version 24.0 software. The findings of the study revealed that students' perceptions of online collaborative learning in Malay language subjects were rated as 'good' (mean = 53.70). Additionally, the study identified a significant difference between the post-test scores and the pre-test scores ($t = -16.669$, $df = 29$, $p < 0.05$). Furthermore, the study found a positive relationship between students' perceptions and their test performance ($r = 0.182$, $n = 30$, $p = .335$). In conclusion, this study establishes that the online collaborative learning approach has a positive impact on the achievement of Malay language learners.

Keywords: Online learning, collaborative learning, Malay language and academic achievement

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pendekatan pembelajaran kolaboratif dalam talian terhadap pencapaian pembelajaran Bahasa Melayu. Rekabentuk kajian ini bersifat kuantitatif, iaitu kajian pra-eksperimental dengan satu kumpulan pra dan pasca-ujian. Proses pengumpulan data berlangsung selama empat minggu, di mana seramai 30 pelajar dipilih sebagai sampel kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data dikumpulkan melalui instrumen seperti aktiviti pembelajaran berasaskan kolaboratif dalam talian, soal selidik, dan ujian pra dan pasca pencapaian pelajar dalam penulisan Bahasa Melayu. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif, ujian penormalan, ujian-t sampel berpasangan, dan ujian korelasi Pearson, serta dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 24.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap pembelajaran kolaboratif dalam talian untuk mata pelajaran Bahasa Melayu adalah baik (min = 53.70). Selain itu, kajian juga mengesahkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor pasca-ujian dan pra-ujian ($t = -16.669$, $df = 29$, $p < 0.05$). Akhir sekali, kajian juga mendapati hubungan positif antara persepsi dan ujian pencapaian pelajar ($r = 0.182$, $n = 30$, $p = .335$). Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan pembelajaran kolaboratif dalam talian memberi impak positif terhadap pencapaian pelajar bagi pembelajaran Bahasa Melayu.

Kata kunci: Pembelajaran dalam talian, pembelajaran kolaboratif, Bahasa Melayu dan pencapaian akademik

© 2024 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

1.0 PENGENALAN

Dunia telah melihat perubahan ketara dalam landskap pendidikan akibat pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi yang terus berkembang dengan pesat. Salah satu perubahan yang diadaptasi hasil dari perkembangan teknologi adalah pembelajaran dalam talian merentasi konteks pembelajaran. Pengkaji mendapati penggunaan teknologi dalam pembelajaran membolehkan guru-guru menyampaikan maklumat secara interaktif, berkongsi sumber pengajaran dengan efisien, dan memudahkan kerjasama dan interaksi antara guru dan pelajar (Barrot et al., 2021). Namun, antara cabaran yang dihadapi oleh guru kini adalah pemilihan pendekatan strategi pengajaran yang berkesan untuk melaksanakan pembelajaran secara dalam talian terutamanya untuk pembelajaran Bahasa Melayu (Mahad, Magesvaran, Hamzah, 2021)

Terdapat empat kemahiran bahasa dalam kurikulum Bahasa Melayu sekolah iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (Ramlie, 2020). Kemahiran menulis dilihat sebagai antara kemahiran yang kritikal dan perlu dikuasai oleh pelajar. Pelajar rata-rata gagal untuk merangka isi karangan dengan baik kerana mereka gagal menguasai aspek perbendaharaan kata. Perbendaharaan kata yang digunakan oleh pelajar adalah terhad dalam menulis sesuatu karangan dan ini menyebabkan pembinaan struktur ayat menjadi tidak lengkap (Mahad, Magesvaran, Hamzah, 2021). Kenyataan ini turut disokong oleh Abdul Ghani (2016) yang menyatakan bahawa kebanyakan pelajar sukar untuk menulis karangan dengan baik kerana penguasaan perbendaharaan kata mereka yang sangat terhad.

Selain itu, pelajar yang kemahiran penulisannya lemah akan menjadikan mereka sukar untuk menyelesaikan sesuatu latihan penulisan karangan dengan baik (Mahamod, 2021). Keadaan ini akan mengakibatkan pelajar sukar untuk memahami soalan yang dikehendaki. Kajian lepas juga mendapati, kurangnya komunikasi dalam Bahasa Melayu merupakan antara faktor yang mendorong kepada kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran menulis (Ismail et al, 2018). Faktor lain yang menyumbang kepada kelemahan pelajar menguasai kemahiran penulisan adalah pelajar sering membuat kesalahan dari segi tatabahasa terutamanya dalam aspek imbuhan dalam penulisan karangan (Ismail et al., 2018).

Menurut Jamian, Othman dan Md Sabil (2016), kemahiran menulis menekankan penguasaan pelajar dari aspek kognitif, iaitu kemampuan untuk berfikir dan menjanakan idea serta menterjemahkannya dalam bentuk penulisan. Oleh yang demikian, untuk menguasai kemahiran menulis, pelajar mestilah mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk mengeluarkan idea bagi menghasilkan penulisan yang menarik, di samping penggunaan bahasa yang betul (Jamian, Othman dan Md Sabil, 2016). Dalam konteks ini, pelajar perlu mempersiapkan diri dengan meningkatkan kreativiti dalam penulisan yang mempunyai unsur pengetahuan atau imaginasi (Lai et al., 2017).

Berbalik kepada pendekatan pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian, pengkaji lepas mengesyorkan strategi atau pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Mereka mengesyorkan penggunaan pendekatan pembelajaran secara kolaboratif terutamanya untuk meningkatkan kemahiran menulis Bahasa Melayu (Mat Nor & Kamarudin, 2017). Oleh yang demikian, objektif kajian adalah seperti berikut:

- i) Merekabentuk persekitaran pembelajaran kolaboratif secara dalam talian bagi meningkatkan kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu.
- ii) Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran kolaboratif secara dalam talian.
- iii) Mengenalpasti kesan pembelajaran kolaboratif secara dalam talian terhadap pencapaian kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu.
- iv) Mengkaji hubungan antara persepsi dan pencapaian kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu melalui persekitaran pembelajaran kolaboratif secara dalam talian.

■ 2.0 KAJIAN LITERATUR

Pembelajaran dalam talian telah menjadi mod pembelajaran yang semakin berkembang dan berpengaruh. Ianya menawarkan mod pembelajaran yang fleksibel dan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran dari keselesaan rumah mereka sendiri. Transformasi pendidikan digital ini mempunyai pelbagai kelebihan, contohnya keselesaan, kebolehcapaian, dan menawarkan pelajar dengan pelbagai pilihan kursus. Satu kajian oleh Kirovska-Simjanoska, (2019) menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian boleh memberikan hasil pembelajaran yang serupa atau lebih baik berbanding dengan pembelajaran secara konvensional. Selain itu, pandemik COVID-19 telah membuka ruang kepada pelajar untuk terlibat dalam persekitaran pembelajaran dalam talian, menjadikannya sebahagian daripada sistem pendidikan moden (Hodges et al., 2020). Walau bagaimanapun, adalah penting untuk menangani cabaran seperti jurang digital dan keperluan untuk strategi pengajaran dalam talian yang berkesan (Taib, Ismail & Lubis, 2020). Memandangkan teknologi terus berkembang, pembelajaran dalam talian akan kekal sebagai aspek pendidikan yang menonjol dan dinamik, membentuk masa depan bagaimana kita memperoleh pengetahuan.

Salah satu strategi pengajaran dalam talian yang berkesan adalah pembelajaran kolaboratif. Dalam era di mana interaksi digital berlaku, pembelajaran kolaboratif memanfaatkan teknologi untuk memupuk penglibatan, pemikiran kritis dan semangat usahasama dalam kalangan pelajar semasa pembelajaran dalam talian. Menurut kajian oleh Gillies (2019), pembelajaran kolaboratif bukan sahaja menggalakkan penyertaan aktif pelajar tetapi juga membantu meningkatkan pemahaman konsep yang kompleks melalui perbincangan dengan rakan sebaya dan memupuk kemahiran penyelesaian masalah. Ia menggalakkan pelajar untuk berkongsi pandangan dengan rakan sekelas dan belajar di antara satu sama lain dengan berkesan sekaligus mengembangkan asas pengetahuan mereka. Dalam persekitaran pembelajaran dalam talian, pembelajaran kolaboratif boleh berlaku melalui forum perbincangan, projek kumpulan dan kerja berpasukan secara maya, dan ini memberikan pelajar peluang untuk membangunkan kemahiran penting seperti kerja berpasukan, komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah. Pendekatan ini bukan sahaja memupuk kerjasama pelajar dalam dunia sebenar tetapi juga membantu meminimalkan jurang komunikasi yang mungkin dialami oleh pelajar sewaktu pembelajaran dalam talian. Pendekatan ini membawa kepada peningkatan motivasi dan meningkatkan keupayaan mereka sewaktu dalam proses pembelajaran. Oleh itu, pengintegrasian strategi pembelajaran kolaboratif dalam pendidikan dalam talian adalah penting dalam mewujudkan pengalaman pembelajaran yang holistik dikalangan pelajar.

Pembelajaran kolaboratif ialah pendekatan pengajaran yang memupuk penglibatan dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan pelajar, menekankan interaksi rakan sebaya dan kerja berpasukan untuk mencapai objektif pembelajaran yang sama. Linda Harasim, seorang pendidik terkemuka, telah menyumbang secara signifikan kepada bidang pembelajaran kolaboratif dalam talian dengan modelnya, yang menonjolkan tiga komponen utama: komunikasi dalam talian, pembinaan pengetahuan, dan penyelesaian masalah secara kolaboratif (Harasim, 2012). Model ini menggariskan kepentingan alat komunikasi dalam talian dalam memudahkan perbincangan dan pertukaran pengetahuan, membolehkan pelajar membina pemahaman mereka melalui dialog dan sumber yang dikongsi, dan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang kompleks. Model Harasim telah memainkan peranan penting dalam reka bentuk dan pelaksanaan persekitaran pembelajaran kolaboratif dalam talian yang berkesan, di mana pelajar boleh mengambil bahagian secara aktif dan mencipta

pengetahuan, meningkatkan keseluruhan pengalaman pembelajaran mereka (Khalil, Ebner, & Manap, 2019). Oleh yang demikian, pengkaji akan menggunakan model pembelajaran kolaboratif seperti yang diperkenalkan oleh Harasim bagi memastikan pelajar dapat terlibat dalam kerja berpasukan dan menyelesaikan permasalahan berkaitan penulisan, seterusnya meningkatkan kemahiran mereka dalam penulisan Bahasa Melayu.

Dari konteks pembelajaran Bahasa Melayu, pembelajaran Bahasa Melayu memegang peranan penting dalam pendidikan di Malaysia, dan salah satu aspek yang tidak boleh diabaikan adalah kemahiran menulis. Kemahiran menulis dalam Bahasa Melayu adalah kunci untuk berkomunikasi secara berkesan, tidak hanya dalam konteks penulisan formal seperti surat rasmi dan laporan tetapi juga dalam komunikasi harian dan di era digital melalui pesanan teks dan media sosial. Menurut kajian oleh Chew dan Masingan (2021), kemahiran menulis membantu pelajar mengembangkan pemikiran kritis, menyampaikan idea dengan jelas, dan memahami struktur bahasa. Kemahiran ini juga membuka pintu peluang dalam bidang profesional dan akademik, membolehkan individu berpartisipasi secara aktif dalam masyarakat yang semakin global. Oleh itu, pemahaman dan penguukuhan kemahiran menulis dalam Bahasa Melayu adalah penting dalam memupuk generasi pelajar yang cemerlang dan berdaya maju.

Kajian terkini menunjukkan prestasi yang bervariasi di kalangan pelajar, dengan beberapa pelajar menghadapi cabaran seperti kesulitan menghasilkan karangan yang berstruktur dan berbahasa yang baik. Ini mungkin boleh dikaitkan dengan faktor-faktor seperti kekurangan latihan penulisan, penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian, dan kecenderungan kepada penggunaan bahasa ringkas dalam media sosial. Bagaimanapun, usaha untuk meningkatkan kemahiran menulis Bahasa Melayu adalah wajar dilaksanakan kerana kemahiran ini adalah asas komunikasi dan pemikiran yang baik. Sebuah kajian yang dilakukan oleh Othman (2019) mencadangkan pendekatan yang berfokus pada pembelajaran berpusatkan pelajar, latihan penulisan yang berterusan, serta integrasi teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam kemahiran menulis pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan sistem pengurusan pembelajaran iaitu aplikasi *Google Classroom*. Platform *Google Classroom* dipilih kerana dapat memberikan suasana atau persekitaran pembelajaran dalam talian yang komprehensif dimana pelajar dapat berinteraksi dengan guru dan rakan-rakan secara dalam talian.

■3.0 METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif pra-eksperimental dengan menggunakan kaedah pra dan pasca-ujian satu kumpulan. Sampel telah dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan dan 30 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Kriteria pemilihan sampel ini adalah berdasarkan markah pelajar, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat skor yang sederhana dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Kajian ini mempunyai 3 instrumen kajian iaitu (i) persekitaran pembelajaran kolaboratif berdasarkan model pembelajaran kolaboratif Harasim, (ii) borang soal selidik yang digunakan untuk mengukur persepsi terhadap pembelajaran kolaboratif atas talian dan (iii) ujian pra dan ujian pasca pencapaian untuk mengukur pencapaian dari aspek kemahiran penulisan Bahasa Melayu.

Bagi merekabentuk dan membangunkan persekitaran pembelajaran kolaboratif, pengkaji telah berdasarkan model pembelajaran kolaboratif Menurut Harasim (2012) terdapat tiga fasa pembinaan persekitaran pembelajaran kolaboratif iaitu: pengetahuan melalui perbincangan dalam kumpulan iaitu:

- i. Fasa 1 (Penjanaan idea): fasa sumbangsan, di mana pemikiran yang berbeza dikumpulkan
- ii. Fasa 2 (Penyusunan idea): fasa di mana idea dibandingkan, dianalisis dan dikategorikan melalui perbincangan dan hujah
- iii. Fasa 3 (Penumpuan intelektual): fasa di mana sintesis dan konsensus intelektual berlaku, termasuk bersetuju untuk tidak bersetuju, biasanya melalui tugasan, esei, atau lain-lain hasil kerja bersama dalam kumpulan (Harasim, 2012).

Ketiga-tiga fasa ini terlibat sewaktu pengkaji membuat aktiviti pembelajaran berkaitan topik penulisan karangan. Seterusnya adalah instrumen borang soal selidik yang digunakan untuk mengukur persepsi terhadap pembelajaran kolaboratif atas talian. Ujian pra dan pasca pencapaian yang diadaptasi dari Said, Mohd Sharif dan Abd Rahman (2017). Instrumen ini mempunyai 10 item dan menggunakan skala likert 5 mata dari 1 iaitu Sangat Tidak Setuju kepada 5 iaitu Sangat Setuju. Akhir sekali adalah ujian pra dan ujian pasca pencapaian untuk mengukur pencapaian dari aspek kemahiran penulisan Bahasa Melayu yang dibangunkan oleh pengkaji.

Kesahan instrumen disahkan oleh dua orang guru pakar subjek Bahasa Melayu bagi mengesahkan Kandungan item yang terdapat dalam ujian pencapaian dan kebolehpercayaan instrumen pula dibuat dengan melihat kepada skor Cronbach alpha dan kebolehpercayaan uji ulang uji bagi ujian pencapaian. Nilai Cronbach alpha bagi borang soal selidik ialah .892. Ini menunjukkan instrumen yang telah dihasilkan mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi dan baik dan boleh digunakan sebagai instrumen kajian. Bagi instrumen ujian pra dan pasca pencapaian, nilai kebolehpercayaan korelasi ialah 0.768. Ini menunjukkan nilai korelasi yang tinggi dan membuktikan instrumen ini juga boleh digunakan bagi kajian yang dijalankan.

■4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Persepsi Pelajar terhadap Persekitaran Pembelajaran Kolaboratif secara dalam Talian

Seramai 30 orang pelajar Tingkatan 5 terlibat dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan dapatan bagi persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran kolaboratif secara dalam talian. Dapatan kajian mendapati purata pelajar sangat bersetuju bahawa pembelajaran kolaboratif dapat mengukuh pertimbangan intelek ($M=5.00$, $SD=.000$), pembelajaran kolaboratif secara dalam talian memberi kebaikan dan manfaat kepada saya ($M=5.00$, $SD=.000$), pembelajaran kolaboratif dalam talian membantu saya untuk lebih memberi fokus semasa pembelajaran ($M=5.00$, $SD=.000$), guru banyak membantu saya dalam pembelajaran kolaboratif ini ($M=5.00$, $SD=.000$), dan tugasan dan latihan yang diberikan dalam pembelajaran dalam talian membantu saya memahami topik yang diberikan ($M=5.00$, $SD=.000$).

Jadual 1 Persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran kolaboratif secara dalam talian

No. Soalan	Item Soalan	Min	Sisihan piawai
1	Saya telah didedahkan dengan pembelajaran kolaboratif dengan baik dan secukupnya	4.67	.479
2	Pembelajaran kolaboratif dapat mengukuh pertimbangan intelek	5.00	.000
3	Aktiviti pembelajaran kolaboratif atau berkumpulan dalam talian sesuai dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu	4.80	.407
4	Pembelajaran kolaboratif secara dalam talian memudahkan berkomunikasi dan berinteraksi	4.90	.305
5	Pembelajaran kolaboratif secara dalam talian memberi kebaikan dan manfaat kepada saya	5.00	.000
6	Saya rasa gembira dengan pembelajaran kolaboratif dalam talian	4.77	.430
7	Pembelajaran kolaboratif dalam talian membantu saya untuk lebih memberi fokus semasa pembelajaran dilaksanakan	5.00	.000
8	Guru banyak membantu saya dalam pembelajaran kolaboratif dalam talian ini.	5.00	.000
9	Pembelajaran kolaboratif dalam talian memudahkan saya untuk bertanya kepada guru-guru dan rakan	4.87	.345
10	Tugasan dan latihan yang diberikan dalam pembelajaran dalam talian membantu saya memahami topik yang diberikan	5.00	.000
Purata		4.90	

4.2 Kesan Pembelajaran Kolaboratif Secara Dalam Talian Terhadap Pencapaian Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu.

Bagi mengenalpasti kesan pembelajaran kolaboratif secara dalam talian terhadap pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Melayu khususnya kemahiran menulis, analisis yang dijalankan ialah analisis deskriptif, ujian pernormalan dan ujian t-sampel berpasangan.

Jadual 2 Analisis deskriptif markah ujian pra dan pasca

Responden	Markah ujian pra	Markah ujian pasca	Perbezaan markah ujian pra dan pasca
1	38	44	6
2	38	42	4
3	38	62	24
4	34	50	16
5	34	58	24
6	34	58	24
7	30	56	26
8	30	52	22
9	26	46	20
10	26	50	24
11	24	64	40
12	24	52	28
13	22	48	26
14	22	65	43
15	34	54	20
16	36	58	22
17	36	54	18
18	22	48	26
19	22	52	30
20	28	50	22
21	28	46	18
22	28	52	24
23	32	60	28
24	32	56	24
25	32	56	24
26	36	54	18
27	36	60	24
28	30	54	24
29	30	54	24
30	30	56	26
Purata	29.1	52.2	23.1

Jadual 2 menunjukkan markah ujian pra dan pasca pelajar. Dapatan kajian menunjukkan julat perbezaan markah bagi ujian pra dan pasca ialah antara 4 hingga 43 markah. Purata markah ujian pra ialah 29.1 markah manakala purata bagi markah pasca adalah 52.2 markah. Seterusnya pengkaji menjalankan ujian penormalan untuk melihat taburan skor ujian pra dan pasca seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Ujian penormalan ujian pra dan pasca pencapaian

	Kolmogorov-Smirnov			Shapiro-Wilk		
	Statistik	df	Sig.	Statistik	df	Sig.
Ujian Pra	.123	29	.200*	.933	29	.059
Ujian Pasca	.088	29	.200*	.985	29	.944

Jadual 3 menunjukkan dapatan taburan data bagi ujian pra dan pasca pencapaian. Disebabkan sampel kajian ini adalah kurang dari 50, maka data penormalan yang akan dirujuk adalah mengikut data bagi ujian Shapiro Wilk (González-Estrada and Cosmes, 2019). Nilai signifikan bagi ujian pra adalah .59 dan ujian pasca adalah 0.94. Ini menunjukkan kedua-dua data adalah lebih dari nilai Sig .05. Secara tidak langsung data ujian pra dan pasca adalah bertabur secara normal. Oleh yang demikian, ujian parametrik sampel-t berpasangan dilaksanakan bagi mengkaji kesan pembelajaran kolaboratif secara dalam talian terhadap pencapaian pelajar seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4..

Jadual 4 Keputusan Ujian Sampel-t Berpasangan

	Perbezaan Pasangan						
	Min	Sisihan piawai	Min ralat piawai	95% selang keyakinan perbezaan	t	df	Sig. (2-tailed)
Ujian pra – Ujian pasca	-23.433	7.700	1.406	bawah atas -26.309 -20.558	-16.669	29	.000

Data dari ujian –t sampel berpasangan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara min ujian pra dan min ujian pasca ($t=-16.669$, $df= 29$, $p= .000$). Dapat disimpulkan bahawa terdapat perubahan yang signifikan pada markah ujian pasca dan markah ujian pra setelah pelajar menjalani pembelajaran kolaboratif dalam talian.

4.3 Hubungan antara Persepsi Dan Pencapaian Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu Melalui Persekitaran Pembelajaran Kolaboratif Secara Dalam Talian

Seterusnya, pengkaji mengkaji hubungan antara persepsi dan pencapaian kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu melalui persekitaran pembelajaran kolaboratif secara dalam talian Bagi menjawab objektif kajian ini, pengkaji menjalankan analisis korelasi Pearson. Dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5 Analisis Korelasi Pearson

Correlation	
Ujian Pasca Persepsi	Ujian Pasca Pencapaian
Pearson Correlation	.182
Sig. (2-tailed)	.335

** Correlation is significant at the 0.01 level (2 – tailed)

Jadual di atas menunjukkan nilai pekali korelasi ialah signifikan pada aras pengertian 0.01. Nilai korelasi ialah .182. Keputusan menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara ujian pasca pencapaian dan ujian pasca persepsi. Semakin tinggi persepsi pelajar, semakin tinggi markah pelajar dalam pembelajaran kolaboratif di dalam talian untuk pencapaian subjek Bahasa Melayu.

5.0 PERBINCANGAN

Dalam mengenal pasti persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran kolaboratif secara dalam talian, kajian mendapati pembelajaran kolaborasi dalam talian untuk subjek Bahasa Melayu dapat meningkatkan daya intelektual pelajar dimana teknik chalk and talk tidak digunakan secara keseluruhan (Halim, Yusoff, Ab Majid, Othman, Azri & Samir, 2020). Pembelajaran kolaborasi bukan sahaja menjadikan pelajar lebih fokus tetapi pelajar dapat menambah pengetahuan apabila perbincangan dua hala diadakan. Pelajar saling bertukar pendapat dan pandangan yang menjadikan pengetahuan dan kemahiran pelajar diasah secara semulajadi yang turut membantu mereka dalam memahami dengan lebih baik dan mengingati fakta atau maklumat dengan berkesan. Hasil kajian Ouyang dan Chang (2019) juga mengatakan bahawa pendekatan pembelajaran yang kreatif seperti kolaborasi sesama pelajar mampu meningkatkan daya kognitif dan pencapaian akademik atau pengetahuan pelajar.

Kesemua pelajar juga sangat bersetuju bahawa pembelajaran kolaboratif dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada pelajar melalui perbincangan dengan rakan-rakan. Warsah, Morganna, Uyun, Afandi and Hamengkubuwono (2021) turut menyatakan bahawa kolaborasi para pelajar dalam pembelajaran dapat membantu para pelajar dalam meningkatkan penguasaan pembelajaran dan tahap pemikiran pelajar itu sendiri. Ternyata pembelajaran kolaborasi tidak asing lagi sebagai salah satu teknik pembelajaran yang sangat berkesan yang memberikan kebaikan dan manfaat kepada para pelajar. Selain itu juga, peningkatan pencapaian Bahasa Melayu pelajar turut dikaitkan

dengan fokus pelajar dalam pembelajaran secara kolaborasi yang telah diberikan. Fokus pelajar sering dikaitkan dengan minat pelajar dalam sesuatu. Apabila timbul minat, manusia mudah fokus terhadap sesuatu (Stapa, Ibrahim & Yusoff, 2017).

Hasil kajian mendapati bahawa interaksi dengan guru banyak membantu dalam pembelajaran dan faktor tugas yang diberikan adalah sesuai dan baik untuk peningkatan para pelajar dalam subjek Bahasa Melayu melalui pembelajaran atas talian secara kolaborasi. Guru disini terlibat sebagai fasilitator. Seterusnya berkenaan dengan tugas yang diberikan banyak membantu pelajar dalam pembelajaran adalah tepat. Pelajar dapat melihat dan berinteraksi dengan soalan atau nota serta tugas, kuiz dan lain-lain daripada pengajar yang diberikan dengan berkesan (Shin, Kim & Song, 2020).

Menerusi kajian ini juga, terdapat persepsi dimana para pelajar tidak diberikan pendedahan secukupnya tentang pembelajaran kolaboratif dalam pembelajaran mereka menerusi pembelajaran selain pengajar sekarang. Kajian mendapati peranan guru memberikan maklumat, menyempurnakan pengetahuan para pelajar di landasan yang betul, para pelajar juga perlu bersedia dan mempunyai cara sendiri dalam mencari maklumat dan bersikap sendiri yang dapat membentuk sikap mampu menyelesaikan masalah dan berfikir secara kreatif yang sangat-sangat digalakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2013) yang mahu merialisasi budaya KBAT – Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Dengan cara yang sedemikian, pelajar dapat merasa sendiri pengalaman pembelajaran yang bernilai yang pembelajaran kolaboratif secara dalam talian (Galikyan & Admiraal, 2019). Dengan ini dapat dilihat pendedahan terhadap pembelajaran kolaboratif memainkan peranan yg baik dalam mewujudkan persepsi yang positif dikalangan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian. Pendedahan terhadap sesuatu perkara yang perlu diajar sebelum pembelajaran sebenar dimulakan boleh membantu pelajar untuk lebih bersedia dan yakin dengan apa yang dipelajari. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan keyakinan diri terhadap apa yang dipelajari kerana pelajar tahu dan bersedia semasa pembelajaran berlaku.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapatnya hubungan yang positif di antara persepsi dan ujian pencapaian pelajar. Persepsi yang positif ini memberi lebih banyak ruang dan peluang untuk pelajar merasai pengalaman pembelajaran yang bermakna sekaligus menunjukkan interaksi yang positif dalam pembelajaran kolaboratif dalam talian dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran (Amin & Nasri, 2021).

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pendekatan pembelajaran kolaboratif dalam persekitaran pembelajaran dalam talian adalah amat penting khususnya dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Ia bukan sahaja meningkatkan pengalaman pembelajaran secara keseluruhan tetapi juga memupuk rasa kerjasama dalam kalangan pelajar terutamanya dalam persekitaran digital di mana interaksi dan komunikasi secara fizikal adalah terhad. Pembelajaran kolaboratif dalam talian menggalakkan penyertaan aktif, perkongsian pengetahuan, dan pembangunan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, yang kesemuanya adalah penting untuk pertumbuhan holistik pelajar. Dalam konteks pembelajaran Bahasa Melayu, komunikasi antara pelajar dengan rakan-rakan adalah amat penting dalam proses pengembangan idea terutamanya bagi topik penulisan karangan. Untuk menjadikan pembelajaran kolaboratif dalam talian benar-benar berkesan, adalah sangat penting bagi guru untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran berpusatkan pelajar. Dengan meletakkan pelajar sebagai fokus utama, pengajar boleh memenuhi keperluan pembelajaran mereka, memberikan maklum balas tepat pada masanya dan memupuk rasa pemilikan (*sense of ownership*) dalam kalangan pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja memaksimumkan penglibatan pelajar tetapi juga menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang sesebuah topik pembelajaran, selain untuk memastikan pelajar lebih bersedia untuk berjaya dalam pembelajaran secara dalam talian dan mengadaptasi penggunaan teknologi yang sentiasa berkembang.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan Universiti Teknologi Malaysia atas sokongan terhadap kajian yang dijalankan ini.

Rujukan

- Abdul Ghani, J. (2016). Murid berprestasi rendah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 1(October), 1–8.
- Amin, N. A. M., & Nasri, N. M. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 344-361.
- Barrot, J. S., Llenares, I. I., & del Rosario, L. S. (2021). Students' online learning challenges during the pandemic and how they cope with them: The case of the Philippines. *Education and Information Technologies*, 26(6), 7321–7338. <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10589-x>
- Chew, F. P., & Masingan, N. J. (2021). Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kemahiran Menulis: Knowledge, Attitude and Readiness of students Towards Higher Order of Thinking Skills in Writing Skills. *PENDETA*, 12(2), 29-43.
- Elizabeth González-Estrada & Waldenia Cosmes (2019) Shapiro–Wilk test for skew normal distributions based on data transformations, *Journal of Statistical Computation and Simulation*, 89:17, 3258-3272, DOI: 10.1080/00949655.2019.1658763
- Galikyan, I., & Admiraal, W. (2019). Students' engagement in asynchronous online discussion: The relationship between cognitive presence, learner prominence, and academic performance. *The Internet and Higher Education*, 43, 100692.
- Gillies, R. M. (2019). Promoting academically productive student dialogue during collaborative learning. *International Journal of Educational Research*, 97, 200-209.
- Halim, A. A., Yusoff, A. N. M., Ab Majid, A., Othman, N., Azri, N., & Samir, N. M. (2020). Penerimaan pelajar terhadap aplikasi MOOC TITAS versi 2.0 di Universiti Awam Malaysia. *Sains Insani*, 5(1), 73-78.
- Harasim, L. (2012). *Learning theory and online technologies*. Routledge.
- Hodges, C., Moore, S., Locke, B., Trust, T., & Bond, A. (2020). The difference between emergency remote teaching and online learning. *Educause Review*, 27.
- Ismail, A., Azma, Z., & Hamzah, Z. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek *Morfologi*. 22(1), 24–31.
- Jamian, A. R., Othman, S., & Md Sabil, J. M. (2016). Kesiediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir terhadap pengajaran penulisan karangan murid bukan Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7(1), 1–8.
- Kirovska-Simjanoska, D. (2019). Digital vs in-person learning environment in ESP classrooms: Let the students decide. *Seeu Review*, 14(1), 36-68

- Khalil, M., Ebner, M., & Manap, N. A. (2019). A Review of the E-Learning in Collaborative Learning: Model Approach. In *Proceedings of the 2019 3rd International Conference on Education and E-Learning (ICEEL 2019)*, 45-49.
- Lai, L. C. (2017). Pembangunan dan penilaian modul penulisan karangan bahasa melayu tingkatan empat. PhD Thesis. Universiti Malaya.
- Mahad, I., Magesvaran, U., & Hamzah, I. N. S. (2021). Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa melayu dalam talian sepanjang perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 16-28.
- Mahamod, Z. (2021). Masalah penulisan karangan bahasa melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah rendah. November. *Conference: Konvensyen Bahasa Melayu*.
- Mat Nor, M. N & Kamarudin. (2017). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT): Kesiediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran reka bentuk dan teknologi (rbt) di sekolah rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 1(1), 1-5.
- Othman, N. (2019). Factors influencing students' writing performance in Bahasa Melayu: A review. 3L: *The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 25(1), 22-35.
- Ouyang, F., & Chang, Y. H. (2019). The relationships between social participatory roles and cognitive engagement levels in online discussions. *British Journal of Educational Technology*, 50(3), 1396-1414.
- Ramli, H. A. (2020). Analisis kandungan kemahiran bahasa melayu dalam kurikulum prasekolah di Malaysia. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastra Melayu* 6812(1), 46-67.
- Shin, Y., Kim, D., & Song, D. (2020). Types and timing of scaffolding to promote meaningful peer interaction and increase learning performance in computer-supported collaborative learning environments. *Journal of Educational Computing Research*, 58(3), 640-661
- Stapa, M. A., Ibrahim, M., & Yusoff, A. (2017). Kolaborasi dalam Pendidikan Vokasional: Mewujudkan Pembelajaran Teradun Melalui Teknologi Web 2.0: *Journal of ICT in Education*, 4, 35-51. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol4.4.2017>
- Taib, S. H., Ismail, M. A., & Lubis, M. A. L. A. (2020). Inovasi kesepaduan dan strategi pengajaran dan pembelajaran di Era Revolusi Industri 4.0. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 3(2), 38-54.
- Warsah, I., Morganna, R., Uyun, M., Afandi, M., & Hamengkubuwono, H. (2021). The impact of collaborative learning on learners' critical thinking skills. *International Journal of Instruction*, 14(2), 443-460.
- Wilhelm, J., Sherrod, S & Walters, K. (2008) Project-based learning environments: challenging preservice teachers to act in the moment, *The Journal of Educational Research*, 101(4), 220-233, DOI: 10.3200/JOER.101.4.220-233.